

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

Februari 1995

PDP 423 - Kaedah Mengajar Fizik

Masa : [2 1/2 jam]

---

Jawab SEMUA soalan.

(Pelajar dinasihatkan menggunakan contoh-contoh Fizik sendiri dalam jawapan anda).

1. Apakah ciri-ciri disiplin Fizik?

Beza dan bandingkan ciri-ciri disiplin Fizik dengan ciri-ciri kurikulum Fizik dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).

Apakah kelemahan dan kekuatan kurikulum Fizik KBSM?

Pada pendapat anda bolehkah kurikulum Fizik KBSM menghasilkan pelajar-pelajar yang memahami ciri-ciri disiplin Fizik dan keperluan-keperluan persediaan untuk mempelajari Fizik sebagai satu disiplin? Jelaskan jawapan anda. Cadangkan perubahan-perubahan jikalau perlu.

(33 markah)

2. Huraikan satu 'Rancangan Unit' dengan teliti.

Terangkan mengapa seorang guru perlu mempunyai rancangan-rancangan unit untuk tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran Fizik? (Dalam jawapan anda, bincangkan juga, apakah ciri-ciri dalam satu rancangan unit yang akan membantu guru melaksanakan programnya dengan lebih teratur dan lengkap).

(33 markah)

...2/-

- 2 -

3. Pilih DUA daripada tajuk-tajuk berikut dan tulis nota-nota.

- i) Pengajaran-pemelajaran Fizik di Tingkatan Enam.
- ii) Kurikulum Fizik Tradisi dan Kurikulum Fizik Moden.
- iii) Penyelidikan Miskonsepsi dalam pemelajaran Fizik.
- iv) Peta-konsep dan Heuristik Vee.
- v) Pengurusan Makmal dan Keselamatan Dalam Makmal.

(34 markah)

- oooOooo -